








PENGAMBILAN MINUMAN BERALKOHOL DI KALANGAN REMAJA MEMUDARATKAN KESIHATAN





Sekiranya remaja mengambil alkohol :

-  Terdedah kepada kemalangan dan kecederaan akibat mabuk
-  Meningkatkan risiko gangguan seksual
-  Merencat dan merosakkan perkembangan otak
-  Terdedah kepada penyalahgunaan dadah
-  Meningkatkan risiko kepada masalah sosial yang lain seperti ponteng sekolah dan pergaduhan
-  Mendedahkan mereka kepada tingkahlaku berisiko untuk penyakit kelamin, jangkitan HIV dan aktiviti seks rambang
-  Membahayakan rakan mereka yang tidak mengambil alkohol dengan perlakuan mereka ketika mabuk

INGATLAH !

Pencegahan pengambilan minuman beralkohol memerlukan penglibatan semua pihak.

Semua individu harus memainkan peranan mereka dengan :

-  Menggerakkan masyarakat membantu remaja menghindari alkohol
-  Membangunkan dan menyokong persekitaran yang boleh membantu remaja menghindari alkohol
-  Ibubapa harus berusaha mengekalkan keharmonian rumahtangga dan keluarga supaya remaja rasa dihargai dan disayangi maka mereka tidak mencari hiburan di luar rumah
-  Remaja harus memahami tentang kemudahan minuman beralkohol

ALKOHOL MEMUDARATKAN KESIHATAN

MINUMAN BERALKOHOL

Minuman beralkohol adalah minuman yang mengandungi alkohol (ethanol). Ia juga dikenali sebagai arak atau minuman keras.


JENIS-JENIS MINUMAN BERALKOHOL

1. Minuman beralkohol dalam pasaran
 - Liquor (vodka, whisky)
 - Bir (shandy, beer dan stout)
2. Minuman alkohol yang disediakan secara tradisional
 - tuak,
 - todi,
 - air tapai.

TAHUKAH ANDA !

- Alkohol tergolong dalam kumpulan dadah penindas (depressant) yang menindas dan mengganggu sistem saraf dengan melambatkan fungsi/ gerakbalas badan.
- Dalam jumlah yang tinggi, alkohol boleh menyebabkan rasa mengantuk, mabuk, pengsan dan kematian.
- Di bawah Akta Makanan 1983, minuman beralkohol tidak boleh dijual kepada mereka yang berumur kurang dari 18 tahun.

KETAHUI KESAN ALKOHOL KEPADA ANDA



Alkohol yang diminum diserap di bahagian usus kecil dan perut. Penyerapan ini berlaku dengan pantas dan boleh dikesan kehadirannya di dalam darah dalam tempoh 5 minit selepas meminum minuman tersebut.

Selepas proses penyerapan berlaku, alkohol akan tersebar ke seluruh tubuh dan mula memberi kesan terhadap setiap sistem tubuh terutamanya sistem saraf, sistem penghadaman, sistem peredaran darah, sistem endokrin dan otot-otot badan.

